

Persiapan ke arah membentuk Muslimah unggul

Wanita satu ketika dahulu amat dimuliakan. Srikan-di mahupun pahlawan, se-muanya berdiri setanding.

Tetapi wanita zaman ini lebih menyumbang kepada simbol sesuatu keburukan, malah menjadi bahan hinaan dan cacian di laman laman sosial.

Menyingkap sejarah pertama kali Konvensyen Hawa diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2012 bertemakan *Discovering a Muslimah's True Beauty*, ia berjaya menarik perhatian masyarakat dan menyedarkan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pengisian bermanfaat

Saban tahun konvensyen ini diadakan bagi menghargai wanita dan dipenuhi pengisian bermanfaat dalam meniti kehidupan sebagai wanita pada zaman milenia.

Justeru itu, dalam membentuk wanita bagi menghadapi ujian dan cabaran zaman teknologi demi melestarikan nama baik wanita seluruh negara, Konvensyen Hawa Ke-5 akan diadakan selama tiga hari bermula pada 18 September ini dan membawakan ramai ikon negara dan panelis dalam pelbagai bidang termasuk

agama, pengurusan dan perniagaan, kaunseling dan perubatan.

Konvensyen Hawa kali ini menyasarkan pembabitan lebih ramai anggota masyarakat dengan objektif utama memberi pendedahan serta pengetahuan menyeluruh berhubung wanita, sekali gus sebagai usaha mempersiapkan golongan ini dalam menghadapi cabaran mendatang. Konvensyen akan menyentuh aspek

“

Konvensyen Hawa menyasarkan pembabitan lebih ramai anggota masyarakat dengan beri pendedahan menyeluruh berhubung wanita, sekali gus sebagai usaha persiapan golongan ini menghadapi cabaran mendatang”

pendidikan, dakwah, kesihatan, keluarga dan kepimpinan.

Bentuk negara lebih baik

Mengangkat tema, *Ideal Women For a Better Nation*, konvensyen Hawa kali ini lebih dekat dengan isu semasa dan berkait rapat dengan kepentingan wanita dalam pembentukan negara yang lebih baik dan efisien.

Ada pepatah asing yang menyatakan apabila kita mendidik wanita, kita mendidik negara kerana golongan wanita yang melahirkan generasi akan datang.

Justeru, signifikan daripada konvensyen ini ia adalah wasilah yang memberi kesedaran dalam jangka panjang dalam membentuk peribadi wanita Muslimah unggul pada masa mendatang.

Konvensyen ini bakal dimeiakan dengan persembahan konsert muhasabah oleh artis nasyid tanah air.

Kelainan konsert dibawakan adalah ia bertemakan pembawaan muhasabah dan diserikan dengan Pidato Ummah oleh wakil mahasiswa beberapa negara, artis dan pensyarah.

Fatin Munazzah Abdul Aziz,
Sekretariat Timbalan
Yang Dipertua MPP USIM